

503:
UMNO-MAJLIS

1975

246

KUALA LUMPUR, 22 JUN (BERNAMA) -- EMPAT ORANG MUKA BARU - DUA MENTERI, SEORANG TIMBALAN MENTERI DAN SEORANG SENATOR WANITA TELAH DIPILIH MENJADI ANGGUTA MAJLIS TERTINGGI UMNO KELMARIN, DEMIKIAN MENURUT KEPUTUSAN YANG DIUMUMKAN HARI INI.

MEREKA IALAH MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, DATO' ALI HAJI AHMAD, MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI DAN PENYELIDIKAN, HAJI MOHAMED YAACOB, TIMBALAN MENTERI PENYELARASAN PERBADANAN AWAM, DATO' MOHAMED RAHMAT DAN SENATOR RAFIDAH AZIZ.

SERAMAI 16 ORANG AHLI LAIN YANG TERPILIH TERMASUK EMPAT MENTERI, EMPAT TIMBALAN MENTERI, LIMA ORANG MENTERI BESAR, KETUA MENTERI MELAKA, TIMBALAN SPEAKER DEWAN RAKYAT DAN SEORANG AHLI PARLIMEN. -- BERSAMBUNG 1017/ZCM

504:
UMNO-MAJLIS 2 KUALA LUMPUR

SERAMAI 72 ORANG BERTANDING UNTUK MENJADI ANGGUTA MAJLIS.

SEORANG LAGI CALUN, DR. MAHATHIR MOHAMED DENGAN SENDIRINYA TIDAK BERTANDING KERANA TELAH TERPILIH MENJADI SALAH SEORANG NAIB PRESIDEN UMNO KELMARIN.

BERIKUT IALAH SENARAI CALUN-CALUN YANG BERJAYA MENGIKUT JUMLAH UNDI YANG DIPEROLEHI:

TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN (909), DATO' MUSA HITAM (908), DATUK HAMZAH ABU SAMAH (822), DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN (781), DATUK WAN KADIR ISMAIL (754), TAN SRI HAJI OTHMAN SAAT (710), DATO' HAJI MUSTAPHA JABAR (701), TAN SRI SYED NASIR ISMAIL (670), TAN SRI GHAZALI JAWI (657) DATUK HAJI JAAFAR HASSAN (643), DATUK MANSUR OSMAN (634), DATUK ABDUL SAMAD IDRIS (610), TAN SRI GHAZALI SHAFIE (588), HAJI MOHAMED YAACOB (562), DATUK SYED NAHAR SHAHABUDDIN (555), SENATOR RAFIDAH AZIZ (547), HAJI WAN MOKHTAR AHMAD (534), DATO' MOHAMED RAHMAT (532), DATO' ALI HAJI AHMAD (520), DAN HAJI GHANI ALI (508). -- BERSAMBUNG 1027/ZCM

505:
UMNO - MAJLIS 3 KUALA LUMPUR

SERAMAI 17 DARI 20 ORANG AHLI YANG DIPILIH MENDUDUKI MAJLIS SEBELUM INI, TELAH BERTANDING.

DUA ORANG LAGI - TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH DAN DR. MAHATHIR MOHAMED - DIPILIH MENJADI NAIB PRESIDEN SEMENTARA SEORANG LAGI, TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR HANYA BERTANDING UNTUK JAWATAN NAIB PRESIDEN.

EMPAT DARI 17 ORANG AHLI TERSEBUT TIDAK TERPILIH IAITU DUTA KE AMERIKA SYARIKAT, ENCIK MOHAMED KHIR JOHARI, MENTERI BESAR KEDAH, DATO' SRI SYED AHMAD SHAHABUDDIN, DAN DUA ORANG AHLI PARLIMEN, HAJI SUHAIMI DATUK HAJI KAMARUDDIN DAN BEKAS MENTERI BESAR TRENGGANU, DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN.

LIMA DARI TUJUH ORANG YANG DILANTIK MENJADI AHLI MAJLIS SEBELUM INI JUGA TURUT BERTANDING TETAPI HANYA TIGA ORANG SAJA YANG BERJAYA.

MEREKA IALAH TENGGU AHMAD RITHAUDDEN, HAJI ABDUL GHANI ALI DAN HAJI WAN MOKHTAR. - BERSAMBUNG 1048/BW

507:

UMNO - MAJLIS 4 KUALA LUMPUR

DUA ORANG AHLI YANG TIDAK DIPILIH TALAH SENATOR DATUK SYED HASSAN AIDID DAN PUAN MARINA YUSOF.

ANTARA MEREKA YANG TIDAK DIPILIH TALAH SEORANG MENTERI, TAN SRI KADIR YUSOFF, SEORANG MENTERI BESAR, DATUK SRI SYED AHMAD SHAHABUDDIN, SEORANG TIMBALAN MENTERI, ENCIK SHARIFF AHMAD, DUA ORANG SETIAUSAHA PARLIMEN, HAJI RAMLI OMAR DAN ENCIK ALI SHARIFF DAN DUA SETIAUSAHA POLITIK, ENCIK SAADON NOH DAN PUAN ZALEHA ISMAIL.

SEORANG MENTERI BESAR, HAJI MOHAMED JUSOH DAN DUA TIMBALAN MENTERI, DATUK ABDULLAH AHMAD DAN ENCIK MOKHTAR HASHIM TIDAK BERTANDING.

DARI TUJUH ORANG PEMIMPIN PEMUDA DAN ENAM PEMIMPIN WANITA YANG BERTANDING HANYA DATO' MOHAMED RAHMAT DAN SENATOR RAFIDAH AZIZ YANG BERJAYA.

CALUN-CALUN LAIN YANG TIDAK TERPILIH TERMASUK SEMBILAN AHLI PARLIMEN, TIGA ORANG SENATOR, TUJUH ORANG AHLI EXCO DARI BEBERAPA NEGERI, DUA ORANG SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI, TIGA ORANG AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN 16 ORANG PEMIMPIN BERBAGAI PERINGKAT.

- BERNAMA 1105/BW